

Headline	TH capai CSI 84 peratus, komited beri khidmat terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,312



TH capai CSI 84 peratus, komited beri khidmat terbaik

Makkah: Lembaga Tabung Haji (TH) menasarkan capaian sebanyak 84 peratus bagi Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) bagi pengurusan haji tahun ini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, berkata CSI itu meningkat dari tahun ke tahun daripada sasaran yang ditetapkan dan ia bukti komitmen TH untuk terus memberi perkhidmatan muassasah yang terbaik kepada jemaah haji Malaysia.

CSI jemaah haji meningkat
“Setiap tahun kami dapatci CSI jemaah haji Malaysia meningkat berbanding sasaran yang ditetapkan dan bagi 1434 Hijrah ini, sasaran CSI ialah 84 peratus,” katanya pada Majlis Ta’aruf (Orientasi) Rombongan Haji Malaysia dengan Muassasah Asia Tenggara di sini, malam tadi.

Katanya, sasaran itu juga bersesuaian dengan piawaian pengurusan dan perkhidmatan haji

di Malaysia dan Arab Saudi yang memperoleh penjijilan ISO 9001:2008 sejak 2006.

Beliau berkata, TH memahami tindakan Kerajaan Arab Saudi mengurangkan jumlah jemaah haji dari seluruh dunia pada tahun ini, demi keselamatan dan keselesaan jemaah.

Katanya ia berikutan kerja menaik taraf kemudahan dan pembangunan yang sedang dijalankan di sekitar Masjidil Haram.

22,320 jemaah haji Malaysia

Syed Saleh berkata, sehubungan itu jumlah jemaah haji Malaysia bagi tahun ini dikurangkan kepada 22,320 orang saja.

“Kerajaan Arab Saudi memang memuji pengurusan TH bahkan banyak negara dari seluruh dunia datang ke Tabung Haji setiap tahun untuk mempelajari sistem Tabung Haji,” katanya.

Bagaimanapun kejayaan TH itu tidak mungkin dicapai dengan sendiri tanpa kerjasama muassasah Asia Tenggara yang membantu pengurusan TH di Arab Saudi, katanya.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Ketua Muassasah Asia Tenggara, Tan Sri Sheikh Zahir Abdul Hamed Sedayu, serta timbalannya Sheikh Mustafa Hamzah Damanhuri dan Taib Abdul Rahim Bukhari.

Headline	TH capai CSI 84 peratus, komited beri khidmat terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,312



*Kerajaan Arab Saudi memang memuji pengurusan TH bahkan banyak **negara** dari seluruh dunia datang ke Tabung Haji setiap tahun untuk mempelajari sistem Tabung Haji”*

**Syed Saleh Syed Abdul Rahman,
Ketua Rombongan Haji Malaysia**